

IMARAH MASJID: ANALISA AWALAN KE ATAS ISU TAULIAH DAN KELAYAKAN TENAGA PENGAJAR¹

Hasan Ahmad, Mansor Sulaiman & Tuan Sidek Tuan Muda

Jabatan Sains Kemanusiaan PBMSK

Universiti Malaysia Pahang

hasanahmad@ump.edu.my

ABSTRAK

Masjid dibina pada asasnya adalah sebagai tempat mendirikan upacara ibadat asas dalam Islam terutamanya sembahyang fardu harian serta fardu Jumaat. Di Malaysia, terdapat ribuan masjid serta surau yang dibina oleh phak kerajaan dan swasta serta juga komuniti setempat dan jumlahnya semakin bertambah dari masa ke semasa. Pada masa sekarang, peranan masjid semakin meluas mencakupi tempat mengadakan majlis, korban hari raya, akad nikah, kelas pengajian berkala, ceramah, forum dan sebagainya. Kertas kerja ini menyentuh isu tauliah dan kelayakan berkaitan dengan tenaga pengajar atau penceramah yang menjalankan kelas pengajian, kuliah atau ceramah di surau atau masjid dalam sesuatu negeri di Malaysia. Isu ini timbul sejak kebelakangan ini kerana ada keluhan masyarakat tentang isi penyampaian yang agak berbeza dari aliran perdana dan sebahagiannya keterlaluan dalam membahaskan isu-isu semasa yang berkaitan dengan agama Islam. Sehubungan itu, Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri mula mengambil pendekatan serius dalam menangani isu ini dengan harapan penyampaian ilmu keagamaan hanya dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berkelayakan serta mendapat bertauliah dari pihak berkuasa agama seperti Majlis Agama atau Jabatan Agama Negeri. Ketegasan ini mula memberi impak setelah terdapat golongan penceramah yang tidak dibenarkan menyampaikan apa-apa ilmu keagamaan di negeri-negeri tertentu kerana tidak mempunyai tauliah dan kebenaran untuk menyampaikan ceramah dari pihak berkuasa agama. Isu imarah masjid tidak sepatutnya terhalang disebabkan oleh tauliah dan kelayakan kerana ia merupakan suatu tindakan pencegahan yang perlu bagi mengelakkan masalah pengajaran ilmu yang salah atau tidak sealiran dengan amalan umum masyarakat Malaysia.

Katakunci: *Imarah, Tenaga Pengajar, MUIP, JAIS, Tauliah, Kelayakan*

Pendahuluan

Imarah (BA:) عماره bermaksud membangunkan, menghidupkan dan menjalankan aktiviti yang boleh meningkatkan impak sesuatu tempat serta dapat menjadikannya lebih maju, berdaya saing dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan sekitarnya. Islam mensyariatkan imarah masjid berdasarkan keterangan dari Surah al-Tawbah Ayat 18 seperti firmanNya:

﴿إِنَّمَا يَعْبُدُ مُرْسَلَ اللَّهِ مَنْ ظَاهِرًا عَامَنَ بِاللَّهِ وَأَلْيَوْمَ الْأَصْلَوَةَ وَأَقَامَ الْحَرَمَةَ وَأَتَى الْزَّكُوَةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهُ فَعَسَى أَوْلَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهَنَّدِينَ﴾

¹ Kertas Kerja dibentangkan di International Conference on Masjid, Zakat and Waqaf Management (I-MAF 2017), ILIM Bangi Selangor anjuran KUIS dan UMP.